



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. Kempen **Imbas. Bayar. Menang dengan myBSN QR ("Kempen")** dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan akan berlangsung dari **01 November 2025 sehingga 31 Januari 2026**, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**"), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN.

The Scan. Pay. Win with myBSN QR ("Campaign") is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 01 November 2025 until 31 January 2026, inclusive of both dates ("Campaign Period"), unless notified otherwise by BSN.

2. BSN merizabkan hak untuk meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan di dalam Klausa 31. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen tamat adalah dianggap terbatal.

BSN reserves the right to amend, vary or extend the Campaign Period at any time, by giving a prior notice within the period BSN deems reasonable before the changes take effect subject to the provisions in Clause 31. All applications received outside the Campaign Period will be disqualified.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

3. Pelanggan yang layak menyertai Kempen ini ("**Pelanggan Yang Layak**") adalah seperti berikut:
 - a) Terbuka kepada pelanggan baharu dan sedia ada BSN yang berumur tiga belas (13) tahun dan ke atas semasa Tempoh Kempen;
 - b) Mendaftar serta mengaktifkan Perbankan Internet myBSN / Aplikasi Mudah Alih; dan
 - c) Melakukan transaksi-transaksi yang dinyatakan dalam Klausa 5 di bawah melalui Perbankan Internet myBSN dalam Tempoh Kempen.

*Eligible customers that can participate in the Campaign ("**Eligible Customers**") are as follows:*

- a) *Open to new and existing BSN customers aged thirteen (13) years old and above during the Campaign Period;*
 - b) *Register and activate myBSN Internet Banking / Mobile App; and*
 - c) *Perform transactions as stated in Clause 5 below via myBSN within the Campaign Period.*
4. Entiti-entiti / individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Kempen ini:
 - a) Kakitangan BSN yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Kempen, termasuk ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami, isteri, anak-anak dan ibu bapa).
 - b) Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengiklanan, ejen promosi dan pembekal perkhidmatan, vendor komputer/sistem/teknologi) BSN.
 - c) Individu di bawah umur tiga belas (13) tahun.
 - d) Bukan warganegara Malaysia.

*The following entities/individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in the Campaign:-*

- a) *BSN employees who are directly involved in the implementation of the Campaign, including their immediate family members (i.e., spouse, children, and parents).*
- b) *Representatives and/or agents (including but not limited to advertising, promotion agents and service providers, vendors computer/systems/technology) of BSN;*
- c) *Individuals below the age of thirteen (13) years old;*
- d) *Non Malaysian citizen.*



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

5. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak hendaklah melakukan transaksi-transaksi berikut ("**Transaksi Yang Layak**") melalui Aplikasi Mudah Alih myBSN untuk mendapatkan mata kelayakan bagi Kempen ini:-

*To participate in this Campaign, the Eligible Customers shall perform the following transactions ("**Eligible Transactions**") via myBSN mobile app to receive entry point for this Campaign:-*

Transaksi Yang Layak <i>Eligible Transaction</i>	Amaun Minimum (RM) <i>Minimum Amount (RM)</i>	Mata Kelayakan <i>Number of Entry</i>
DuitNow QR (Imbas untuk Bayar kepada Peniaga) <i>QR Transaction</i> <i>(Scan-To-Pay Merchant)</i>	10	1
Pendaftaran / pengaktifan Perbankan Internet myBSN dengan melakukan transaksi DuitNow QR. <i>New Registration or Activation of myBSN account by completing one (1) QR Transaction</i>	10	3 (Sekali sahaja) (One-off)

Nota: Lakukan minimum 10 transaksi dalam tempoh kempen untuk layak memenangi hadiah.

Note: Perform a minimum of 10 transactions during the campaign period to be eligible to win prizes.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

6. Berikut adalah hadiah yang ditawarkan dalam Kempen ini ("Hadiah") /

Prizes offered for this campaign are as below ("Prizes"):-

	Kategori Hadiah <i>Prize Category</i>	Hadiah <i>Prizes</i>	Jumlah Pemenang <i>Total Winners</i>
Hadiah Utama <i>Grand Prizes</i>	Hadiah Pertama <i>First Prize</i>	Wang Tunai RM3,000 <i>Cash Prize RM3,000</i>	3
	Hadiah kedua <i>Second Prizes</i>	Wang Tunai RM1,000 <i>Cash Prizes RM1,000</i>	5
	Hadiah ketiga <i>Third Prizes</i>	Wang Tunai RM500 <i>Cash Prizes RM500</i>	10
Hadiah Bulanan <i>Monthly Prizes</i>	November 2025 <i>November 2025</i>	Wang Tunai RM200 <i>Cash Prizes RM200</i>	20
	Disember 2025 <i>December 2025</i>	Wang Tunai RM200 <i>Cash Prizes RM200</i>	20
	Januari 2026 <i>January 2026</i>	Wang Tunai RM200 <i>Cash Prizes RM200</i>	20

PEMILIHAN PEMENANG / WINNER SELECTION

7. Pemenang-Pemenang akan dipilih melalui proses pemilihan rawak berkomputer berdasarkan penyertaan bagi kempen yang telah direkodkan dalam sistem BSN sepanjang Tempoh Kempen ("**Pemenang**").

*The winners will be selected through a computerized random selection process based on the campaign entries that have been recorded in BSN system throughout the Campaign Period ("**Winners**").*

8. Setiap pemenang hanya layak memenangi **satu (1)** Hadiah sahaja—sepanjang Tempoh Kempen.

*Each winner is eligible to win only **one (1)** Prize during the Campaign Period.*

9. Hadiah wang tunai yang dimenangi dalam kempen ini akan dikreditkan terus ke dalam akaun simpanan BSN pemenang. Pemenang mestilah memastikan akaun simpanan BSN mereka aktif semasa proses penyaluran hadiah dijalankan.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

Cash prizes awarded under this campaign will be credited directly into the winner's BSN savings account. Winners must ensure that their BSN savings account is active at the time of prize disbursement.

10. Butiran pemenang (nama dan empat (4) digit nombor kad pengenalan terakhir) akan diterbitkan di www.bsn.com.my ("**Laman Web BSN**") dan paparan tersebut dipersetujui oleh pemenang-pemenang.

*The winner's details (name and last four (4) digit of identification number) will be published at www.bsn.com.my ("**BSN's Website**") and the publication is consented by the winners.*

11. Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon dan/atau SMS dan/atau sebarang kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh BSN sebelum dan/atau selepas nama diterbitkan dan diumumkan di Laman Web BSN.

The winners will be notified by telephone and/or SMS and/or any other method(s) deemed suitable by BSN before and/or after names being published and announced on BSN's Website.

12. BSN merizabkan hak untuk memilih pemenang-pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang mungkin tidak layak atau tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab lain.

BSN reserves the right to select any additional winners to substitute any Winners who may be ineligible, cannot be contacted or disqualified for any reason whatsoever.

13. BSN berhak dengan budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika hadiah tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

BSN reserves the right in its discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Prizes are unavailable for any reason whatsoever. All Prizes are given on an "as is" basis and are not exchangeable for credit, other items or voucher, in part or in full.

14. Semua pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat BSN bagi Kempen ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan hadiah, sekiranya ada.

All winners shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Campaign and the Terms and Conditions attached to the Prizes, if any.

15. BSN berhak untuk meminta dokumen pengenalan diri dan bukti kelayakan daripada mana-mana Pelanggan yang Layak sebelum memberikan Hadiah.

BSN reserves the right to request identification documents and proof of eligibility from any Eligible Customer(s) prior to awarding any Prize.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

HAK BANK / BANK'S RIGHT

16. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh pengubahsuaian, penggantungan atau pembatalan Kempen ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Eligible Customer(s) directly or indirectly, caused by the modification, suspension or cancellation of this Campaign.

17. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan Yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkait dengan Kempen ini dan/atau BSN.

BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Eligible Customers that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign and/or BSN.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

18. Pelanggan Yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.

Eligible Customers shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

19. Sebarang kos yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut Hadiah adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan Yang Layak or pemenang.

Any expenses incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the prize is the sole responsibility of the Eligible Customers or winners.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

20. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen ini. Ini merujuk kepada gangguan teknikal yang berlaku sama ada di pihak BSN atau di pihak Pelanggan yang Layak, termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah sambungan internet, keserasian peranti, atau pembekal rangkaian. Pelanggan yang Layak.

BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading or similar circumstances that may prevent any Eligible Customers from participating in this Campaign. This refers to technical disruptions occurring on BSN's side or on the Eligible Customer's side, including but not limited to issues with the Eligible Customer's own internet connection, device compatibility, or network provider.

21. Bank berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai atau menerima sebarang hadiah di bawah Kempen ini sekiranya Pelanggan Layak:
- a) didapati mempunyai status akaun tertunggak;
 - b) diisytiharkan muflis atau sedang menjalani prosiding kebangkrutan; atau
 - c) gagal mematuhi Terma dan Syarat produk yang berkaitan atau Kempen ini.

Kelucutan hak kelayakan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

The Bank reserves the right to disqualify any Eligible Customers from participating or receiving any prize under this Campaign if the Eligible Customers::

- a) *is found to have a delinquent account status;*
- b) *is declared bankrupt or is undergoing bankruptcy proceedings; or*
- c) *fails to comply with the Terms and Conditions of the relevant product or this Campaign.*

Such disqualification may be exercised at any time without prior notice.

22. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu daripada penyertaan Kempen ini.

BSN cannot guarantee and does not promise any specific results from participating in this Campaign.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

23. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:

By participating in this Campaign, the Eligible Customers hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consents to the use of their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any:



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

- a) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN; atau

for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website; or

- b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau

to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or

- c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau

to comply with a Court order or direction; or

- d) untuk mengesahkan status akaun Pelanggan yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau

to verify the Eligible Customer's account status with any third party (if relevant); or

- e) apabila diminta secara bertulis oleh Pelanggan yang Layak; atau

where the Eligible Customer(s) request in writing; or

- f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.

to protect and defend BSN or BSN's asset.

24. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi BSN, Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN's Privacy Policy, BSN's Privacy Policy shall prevail.

25. Pelanggan yang Layak dengan ini memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Pelanggan yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.

The Eligible Customers hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Customers account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.

26. Pelanggan Yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

Eligible Customers have the right at any time to:

- a) *Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
- b) *Request for any correction/update of Personal Data; and*
- c) *Raise any questions regarding the use of Personal Data by contacting BSN.*

27. Pelanggan yang Layak bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen oleh Pelanggan yang Layak yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Pelanggan yang Layak.

The Eligible Customer(s) agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in the Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Customer(s)' participation in the Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Customer(s).

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

28. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah bersetuju:-
- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat bagi Akaun-Akaun BSN berkaitan termasuk Akaun Simpanan dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan
 - b) Untuk mengakses laman web BSN dan/atau mana-mada media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan Yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

By participating in this Campaign, all Eligible Customers deemed to have agreed:

- a) *To be bound by the Terms and Conditions herein, Terms and Conditions any BSN Accounts including Savings Account and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and*
- b) *To access to BSN's Website and/or any of BSN's official social media page on regular basis to ensure that the Eligible Customers are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.*

29. Pelanggan Yang Layak bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Notis Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN.

Eligible Customers agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's website.

30. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan Yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.

All BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Eligible Customers, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

31. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Hadiah.

In no event will BSN be responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Prizes.

32. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan Yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Customers resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

33. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Pelanggan yang Layak untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang serta pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia Perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN.

By participating in this Campaign, the Eligible Customers consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Eligible Customers for current and future advertising and promotional purposes and winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate.

34. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui maklumat di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai.

BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'
TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

35. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk menarik balik, membatalkan, menggantung Kempen ini lebih awal daripada Tempoh Kempen atau melanjutkan Tempoh Kempen dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN at its discretion may withdraw, cancel or suspend the Campaign earlier than the Campaign Period or extend the Campaign beyond the Campaign Period by giving notice within the period BSN deems reasonable by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customers, directly or indirectly, caused by the changes.

36. Pelanggan yang Layak hendaklah mengakses Laman Web BSN dan/atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan yang Layak sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Termadan Syarat.

Eligible Customers must access to BSN Website and/or any BSN's official social media page on a regular basis to ensure that the Eligible Customers are up-to-date with any change or variation made to the Terms and Conditions.

37. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Pelanggan yang Layak melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customers and be deemed to be brought to the Eligible Customer's attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.

38. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah tertakluk kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not stated under these Terms and Conditions is subject to BSN's discretion.

39. Semua bahan berkaitan Kempen termasuk tetapi tidak terhad kepada reka bentuk, logo, kandungan promosi dan bahan cetakan adalah hak milik BSN dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran bertulis daripada BSN.

All materials related to the Campaign including but not limited to designs, logos, promotional content and printed materials are the intellectual property of BSN and shall not be used without prior written consent from BSN.



TERMA DAN SYARAT KEMPEN 'IMBAS. BAYAR. MENANG DENGAN MYBSN QR'

TERMS AND CONDITIONS SCAN. PAY. WIN WITH MYBSN QR CAMPAIGN

40. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT-
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITION -**